

TARIKH	19 / 9 / 2016	SEKSYEN	NEGARA
MUKA SURAT	8	RUANGAN	



SULTAN Ibrahim mengaminkan doa selepas Raja Zarith Sofea (barisan depan tiga dari kiri) bersama Tunku Aminah (dua dari kiri) serta Tunku Abu Bakar (depan kiri) selamat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail, Senai, Johor Bahru semalam.

Raja Zarith Sofiah selamat tiba dari Mekah

JOHOR BAHRU - Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah Almarhum Sultan Idris Shah bersama dua anakanda baginda selamat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail, Senai di sini semalam selepas hampir dua minggu menunaikan ibadah haji.

Menerusi status dimuat naik dalam laman rasmi Facebook Raja Zarith So-

fiah, keberangkatan tiba baginda dari Mekah itu disertai anakanda baginda, Tunku Puteri Johor, Tunku Tun Aminah dan Tunku Putera Johor, Tunku Abu Bakar.

Ketibaan keluarga diraja itu disambut Sultan Johor, Sultan Ibrahim Almarhum Sultan Iskandar, Yang Dipertua Majlis Jumaah Diraja Johor, Datuk Abdul Rahim Ramli serta

barisan exco kerajaan negeri.

Raja Zarith Sofiah berlepas ke Mekah bersama anakanda baginda pada 5 September lepas menggunakan pesawat peribadi.

Ibadah haji itu tidak disertai Sultan Johor kerana dinasihatkan oleh doktor agar berehat selepas menjalani prosedur angioplasti baru-baru ini.